

07 DEC 1996

Mahathir-Saudi

MAHATHIR GESA PELABUR SAUDI JADIKAN MALAYSIA PANGKALAN MEREKA

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pelabur Saudi supaya meningkatkan kehadiran mereka di rantau Asean dengan menggunakan Malaysia sebagai pangkalan bagi pengeluaran dan pengedaran produk mereka di rantau itu.

Mereka tidak seharusnya melihat pada peluang-peluang yang ada di Malaysia sahaja tetapi perlu menimbangkan Malaysia sebagai lokasi yang strategik di rantau itu keseluruhannya, kata Perdana Menteri.

Asean, dengan kemasukan Vietnam, kini mempunyai penduduk berjumlah 420 juta orang dan kesemua negara anggota mencatatkan pertumbuhan ekonomi purata antara tujuh hingga sembilan peratus, tambahnya.

Dr Mahathir berucap di majlis dialog dengan anggota Majlis Dewan Perdagangan dan Industri Riyadh di sini. Perdana Menteri adalah di hari ketiga dalam rangka lawatan empat hari ke Arab Saudi atas jemputan Al-Malik Fahd Abdul Aziz Al-Saud.

Perdagangan antara negara Asean bagi tempoh Jan-Jun 1996 berjumlah AS\$56.2 bilion (RM140.5) juta dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar AS\$510.7 bilion (RM1,276.75) bilion. Pasaran Asean akan berkembang kepada hampir setengah juta orang apabila tiga lagi negara menyertai pertumbuhan itu tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata pelabur Arab Saudi akan mendapat faedah apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) siap menjelang tahun 2003 yang akan mengenakan tarif tidak lebih daripada 5 peratus secara purata.

"Dengan suasana pasaran yang besar dan perdagangan yang liberal sesungguhnya ia akan menawarkan peluang perniagaan dengan banyaknya pada masa depan," katanya.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia telah melabur di negara-negara Islam dan beliau berharap negara-negara Islam yang lain dapat melabur di Malaysia untuk mempelbagaikan pelaburan terus asing (FDI).

Dr Mahathir juga menerangkan kepada pelabur Arab Saudi mengenai pelbagai insentif yang ditawarkan kepada pelabur asing termasuk mengenai Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan dan kemudahan sistem perbankan Islam di Malaysia.

Katanya, banyak bank Islam yang berhasrat untuk terlibat dalam projek pembiayaan terutama di negara-negara Asia Timur di mana terdapat beberapa projek utama yang baru dicadangkan dan dalam proses pelaksanaan.

Dialog selama 90 minit itu nampaknya telah menimbulkan minat ahli perniagaan Arab Saudi untuk melabur di Malaysia apabila seorang anggota majlis itu mencadangkan pembentukan Majlis Perniagaan Arab Saudi-Malaysia bagi mewujudkan hubungan antara mereka.

Dr Mahathir memberi sokongan kepada cadangan itu tetapi menyarankan agar ahli perniagaan Arab Saudi menggunakan bank data yang diwujudkan di bawah Kumpulan 15 (G15) yang menyediakan banyak maklumat yang menyeluruh mengenai peluang-peluang perniagaan dan perdagangan di negara-negara G-77.

Perdana Menteri juga menerangkan mengenai strategi Malaysia untuk seiring dengan pembangunan pesat teknologi maklumat yang amat berfaedah bagi persaingan dalam perniagaan dan perdagangan dengan menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menteri Perdagangan Arab Saudi, Osama Jaafar Faqih yang turut serta dalam dialog itu memberi jaminan bahawa kerajaan Arab Saudi akan memberikan sepenuh sokongan kepada ahli-ahli perniagaan Arab Saudi dan Malaysia untuk meningkatkan kerjasama.

Turut hadir di majlis dialog yang diadakan di bangunan dewan perdagangan itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Penasihat Ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Antara tokoh perniagaan ialah Tan Sri Tajuddin Ramli dan Tan Sri Yahaya Ahmad. -- BERNAMA

ZKS OBA